

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Helaiian Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang pelan kemalangan diri **RiderCare PA Takaful**. Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu, anda harus membacanya juga.

Tarikh: 01/06/2026

1 Apakah itu RiderCare PA Takaful?

RiderCare PA Takaful ialah pelan kemalangan diri asas yang menyediakan pampasan kematian, hilang upaya kekal dan tunai ihsan akibat kemalangan.

Kontrak Syariah Yang Diguna Pakai

Kontrak Syariah yang diguna pakai di bawah produk ini ialah Tabarru', Wakalah, Jualah, dan Qard. Untuk definisi kontrak syariah, sila rujuk sijil takaful.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Untuk tempoh perlindungan selama setahun, anda akan menerima perlindungan takaful berikut:

No.	Manfaat	Jumlah Manfaat (RM)			
		Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4
1.	Kematian akibat kemalangan	5,000	10,000	15,000	20,000
2.	Hilang Upaya Kekal akibat kemalangan	5,000	10,000	15,000	20,000
3.	Tunai Ihsan	500	500	500	500

Nota:

- Sila rujuk sijil takaful untuk maklumat lanjut berkenaan manfaat-manfaat di atas.
- Tempoh perlindungan adalah satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui sijil takaful setiap tahun.
- Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi kami atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Sijil anda tidak melindungi:

- Memandu atau menunggang tanpa lesen memandu yang sah atau di bawah pengaruh alkohol dan dadah;
- Penyertaan atau cubaan untuk menyertai aktiviti yang menyalahi undang-undang, bunuh diri atau kecederaan yang sengaja dilakukan;
- Peperangan, serangan, pemberontakan, dan tindakan keganasan;
- Kecacatan atau keuzuran fizikal dan mental yang sedia ada;
- Terlibat di dalam sukan, pekerjaan atau aktiviti-aktiviti berbahaya;

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk sijil takaful untuk senarai penuh pengecualian.

Sekiranya anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai produk takaful kemalangan diri, anda boleh:



Hubungi kami di 1-300-13-8888
(Etiqa Online)



Layari <https://www.etiqa.com.my/kemalangan-diri>



Emel kepada
info@etiqa.com.my



Imbas kod QR

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk Rider Care PA Takaful, jumlah sumbangan yang perlu dibayar adalah berbeza berdasarkan pelan yang anda pilih. Anda harus membayar sumbangan tahunan sebanyak:

Pelan	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4
Sumbangan Asas	RM 13.00	RM 26.00	RM 38.00	RM 51.00

Anda juga harus membayar fi and caj berikut:

Komisen Dibayar Kepada Pengantara (Daripada Sumbangan Asas)	25% atau RM 3.25	25% atau RM 6.50	25% atau RM 9.50	25% atau RM 12.75
Cukai Perkhidmatan (Daripada Sumbangan Asas)	8% atau RM 1.04	8% atau RM 2.08	8% atau RM 3.04	8% atau RM 4.08
Jumlah Fi Wakalah (Daripada Sumbangan Asas)	60% atau RM 7.80	60% atau RM 15.60	60% atau RM 22.80	60% atau RM 30.60
Duti Setem	RM 10.00	RM 10.00	RM 10.00	RM 10.00
Jumlah Sumbangan Perlu Dibayar	RM 24.04	RM 38.08	RM 51.04	RM 65.08

Semua sumbangan (jika terpakai) akan tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan, sebagaimana yang dianggap perlu oleh pihak berkuasa cukai Malaysia. Adalah penting untuk anda menyimpan apa-apa resit yang anda terima sebagai bukti pembayaran sumbangan.

4 Syarat Utama Lain

- Anda harus memberikan maklumat tepat dan cukup semasa permohonan. Anda harus mendedahkan semua fakta material seperti pekerjaan dan aktiviti peribadi.
- Perlindungan takaful hanya berkuat kuasa apabila anda telah membayar sumbangan (Bayaran Sebelum Perlindungan).
- Semua tuntutan hendaklah dimaklumkan kepada kami secepat mungkin tidak melebihi 30 hari selepas kejadian yang melayakkan anda untuk membuat tuntutan ke atas sijil. Sila kemukakan kepada kami semua dokumen yang berkaitan untuk menyokong tuntutan anda. Sebarang dokumen atau bukti yang diperlukan oleh kami untuk mengesahkan tuntutan tersebut perlu dikemukakan kepada kami atas perbelanjaan anda sendiri.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk sijil takaful untuk senarai penuh terma dan syarat.

 Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Boleh. Anda boleh membatalkan sijil dengan memberi notis bertulis kepada Kami. Semasa pembatalan, Anda akan menerima bayaran balik sebahagian sumbangan dengan syarat anda tidak pernah membuat tuntutan semasa tempoh takaful.